

HEBAHAN BERITA

UNITED CAPS Ingin Membuka Kemudahan Pembuatan di Malaysia

Luxembourg. 3 Mei 2017. UNITED CAPS, Syarikat berjenama global bagi reka bentuk penutup plastik berprestasi tinggi pada hari ini mengumumkan pelaburan dalam pembangunan kilang pembuatan di Malaysia. Syarikat akan membina kilang pembuatan terkini bagi memenuhi permintaan pelanggan yang meningkat di rantau ini.

“Kami mengalami pertumbuhan yang signifikan di Asia Tenggara,” kata Benoît Henckes, Ketua Pegawai Eksekutif. “Bagi merealisasikan strategi ‘Dekat dengan Anda’, pembinaan kilang ini membolehkan kami untuk terus mengambil kesempatan terhadap peluang pertumbuhan dinamik di rantau ini dan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan tempatan kami. Dengan ujudnya kilang pengeluaran ini ianya merupakan langkah tepat dalam usaha untuk mengembangkan pasaran kami di Asia Tenggara.”

UNITED CAPS telah mengenalpasti kawasan industri Kulim Hi Tech Park sebagai lokasi yang terbaik untuk pembinaan kemudahan pembuatan kilang baharu yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada suku pertama 2018. “Pelaburan ini pada mulanya akan mewujudkan lebih daripada 20 pekerjaan baharu di kawasan tersebut,” tambah Henckes, “dan menasaskan pengeluaran sebanyak 300 juta penutup plastik dalam tahun pertama. Kami berasa teruja tentang peluang untuk membawa teknologi maju dengan kemudahan baharu yang dapat menyokong komuniti tempatan dengan menyediakan pekerjaan dan peluang lain.”

Untuk maklumat lanjut tentang penutup plastik dan penyelesaian penutup yang inovatif daripada UNITED CAPS, sila lawati www.unitedcaps.com.

Tentang UNITED CAPS

UNITED CAPS ialah rujukan industri global untuk reka bentuk dan pembuatan penutup plastik dan penutup berprestasi tinggi. Kemampuan inovatif dan portfolio yang luas bagi standard dan penyelesaian yang maju menjadikan UNITED CAPS sebagai rakan kongsi yang disukai oleh syarikat utama dunia. Kami menyokong rantaian nilai pelanggan kami dengan melindungi integriti produk, memastikan keselamatan dan kesihatan pengguna dan akhirnya melindungi reputasi jenama. UNITED CAPS yang merupakan kumpulan yang sangat dinamik dan berasaskan keluarga yang fleksibel menawarkan penyelesaian hujung ke hujung untuk memberikan perkhidmatan aplikasi dan pasaran yang meluas di seluruh dunia. Syarikat tersebut beribu pejabat di Luxembourg dan memiliki kemudahan pembuatan di Belgium, Perancis, Jerman, Hungary, Ireland, Luxembourg dan Sepanyol. UNITED CAPS mempunyai lebih daripada 500 orang pekerja dan mencatatkan pendapatan berjumlah 131 juta Euro (pada akhir 2016).



MAKLUMAT HUBUNGAN

Monika Dürr

duo-media

monika.d@duo-media.com

+49 (0)6104 944895